



PERCUMA 8 - 15 Februari 2013, 27 Rabiulawal - 4 Rabiulakhir1434



Pusat kecantikan dan jahitan lahirkan usahawan baru

muka 3

Lagi pemimpin Umno - BN didakwa terlibat dalam skandal tanah

muka 14

8 MUKA KHAS ISU AIR
Mengapa Kerajaan Selangor perlu tamatkan perkhidmatan SYABAS



RAIKAN...

sempena kedatangan Tahun Baru Cina, Adun Teratai, Jenice Lee, bersama Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz, bersama-sama mengedarkan limau Mandarin kepada penjaja dan pengunjung di Pasar Pagi Taman Muda, Ampang

Oleh SHERIDAN MAHAVERA

SHAH ALAM - Setiap kediaman di Selangor sudah boleh menerima air percuma sekiranya Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) melakukan tanggungjawabnya dan selesai menukar semua meter pukal kepada meter individu enam tahun lalu.

Ini kerana mengikut perjanjian pen-swastaaan perkhidmatan air 2004, Syabas perlu menukar kesemua meter pukal di kediaman ke meter individu dalam tempoh dua tahun dari 2004 hingga ke 2006.

Sekiranya Syabas melaksanakan tanggungjawabnya, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, tidak ada kediaman yang tercicir daripada skim 20 meter padu air percuma yang diperkenalkan sejak 2008.

Abdul Khalid mendedahkan fakta tersebut semasa mengulas kes mahkamah yang sedang berjalan, di mana 711 individu mengemukakan saman terhadap Kerajaan Negeri Selangor berkenaan dasar pemberian air percuma.

Pendedahan syarat perjanjian 2004 itu adalah bukti terbaru yang Syabas, syarikat yang mengendalikan pengedaran air di Selangor, gagal dalam melaksanakan

Syabas perlu tukar meter pukal enam tahun dulu

Semua rakyat patut dapat air percuma

tugasnya secara cekap dan amanah.

Contoh terbaru adalah Syabas didakwa lambat dalam melaksanakan proses pertukaran meter pukal ke meter individu di 76 kawasan pangsapuri, walaupun kesemua flet di kawasan tersebut memenuhi syarat dan bersedia bertukar ke meter individu.

"Keadaan ini berlanjutan walaupun kita sudah beberapa kali mengingatkan Syabas supaya mempercepatkan proses ini," kata Abdul Khalid.

Baru-baru ini, Mahkamah Tinggi Shah Alam memutuskan bahawa kes saman tersebut akan dibicarakan pada satu tarikh yang akan ditentukan selepas permohonan untuk mengenyepikan saman tersebut ditolak.

Kerajaan Negeri akan mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam itu.

"Keputusan Mahkamah Tinggi itu bukanlah bermakna kemenangan kepada mereka yang memfailkan saman itu. Mahkamah sekadar memutuskan kes tersebut hendaklah dibicarakan sepenuhnya.

"Justeru, kenyataan-kenyataan Umno bahawa mereka menang dalam kes ini adalah silap fakta," kata Abdul Khalid.

Pada ketika ini, hampir semua pangsapuri di Selangor menerima manfaat daripada skim tersebut, sama ada melalui pertukaran meter pukal ke individu atau melalui rebet yang diberi setiap bulan.

Dilaporkan sebelum ini bahawa sejak September 2012, 92 peratus pangsapuri kos rendah menerima faedah daripada skim air percuma.

Abdul Khalid berkata, penghuni pangsapuri hanya perlu mengisi borang bagi mendapat faedah daripada skim itu.

"Kita lancarkan program 'Lapor dan Dapat' pada Jun 2010. Pihak pengurusan pangsapuri kos rendah hanya perlu daftar dengah Suruhanjaya Bangunan untuk layak menerima air percuma," katanya.

Perutusan Tahun Baru Cina Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim Bersiap sedia lakukan perubahan

Dalam kalendar masyarakat Cina, 9 Februari ini, masyarakat Tionghoa di Malaysia mengadakan majlis makan malam besar bersama keluarga, majlis ini menandakan tibanya Tahun Baru Cina yang disambut Ahad, 10 Februari 2013.

Mengikuti kalendar masyarakat Cina tahun ini, ia dikenali sebagai Tahun Ular.

Di kesempatan ini, saya dan Kerajaan Negeri menyampaikan ucapan tahniah dan salam ke-

makmuran kepada kaum Tionghoa di negeri Selangor khususnya, dan di Malaysia seluruhnya.

Dua tradisi masyarakat Cina, iaitu makan bersama keluarga dan memberi angpau kepada kanak-kanak wajar digalakkan dalam kalangan rakyat majmuk di negeri ini khususnya. Tambahan pula, nisbah penduduk negeri Selangor yang kini seramai 5.3 juta orang, adalah hampir-hampir seimbang, iaitu 51% kaum Melayu dan 49% kaum-kaum lain.

Sepanjang sambutan Tahun Baru Cina ini, saya percaya rakan-rakan kita daripada masyarakat Cina sentiasa 'membuka pintu rumah' mereka dan dengan senang hati menerima kunjungan-

an rakan-rakan daripada kaum lain.

Sikap prihatin dan berkongsi kemakmuran ini adalah sejajar dengan dasar pentadbiran Kerajaan Negeri yang membantu rakyat menerusi pelbagai program kebajikan di bawah dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) sejak menerajui Kerajaan Selangor pada Mac 2008.

Bagi masyarakat Cina, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM5 juta untuk Kampung Baru dalam Belanjawan 2013. Selain itu, kita juga memberi peruntukan RM3 juta setahun untuk Rumah Ibadat Bukan Islam yang tidak pernah diberikan Barisan Nasional (BN) sebelum ini.

Sejak 2009, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM6 juta setahun kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

Ayuh mengundi pada PRU-13 nanti. Di samping mengekalkan Kerajaan Negeri di Selangor Darul Ehsan ini, kita juga berusaha untuk membentuk Kerajaan Pusat yang adil

dan RM2 juta setahun kepada sekolah menengah persendirian (Cina).

Menurut horoskop orang Cina bagi tahun 2013 ini yang dilambangkan oleh seekor ular, dikatakan menandakan tempoh yang memberi kesan terhadap kehidupan kebanyakan orang.

Bagi masyarakat di Malay-

sia, bermungkinan pilihan raya ke-13 (PRU-13) tahun ini turut merubah Kerajaan Pusat. Ini bererti rakyat Malaysia seluruhnya mesti bersiap sedia untuk lakukan perubahan. Ini kali lah!

Oleh itu, kita bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, ayuh turun mengundi pada PRU-13 nanti. Di samping mengekalkan Kerajaan Negeri di Selangor Darul Ehsan ini, kita juga berusaha untuk membentuk Kerajaan Pusat yang adil, tidak rasuah dan prihatin kepada seluruh bangsa Malaysia.

Akhir kata, saya suka mengingatkan anda semua, supaya sentiasa berhati-hati dan bertimbang rasa ketika memandu. Semoga selamat sampai ke destinasi.

Sekian sahaja. Saya mengucapkan Xin Nian Kuai Le (Selamat Tahun Baru Cina).

Insentif perkahwinan belia boleh dipohon minggu depan

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

SHAH ALAM - Mulai minggu depan, golongan belia yang berkahwin pada Januari tahun ini dan berusia tidak lebih 35 tahun, boleh memohon dapatkan insentif perkahwinan yang diberikan Kerajaan Negeri.

Exco Adat Melayu, Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairi (*gambar*) berkata, borang permohonan boleh didapati di Pusat Khidmat DUN di seluruh negeri bagi mendapatkan insentif sebanyak RM200 itu.

Katanya, anak kelahiran Selangor layak menerima hadiah insentif itu yang berupa wang simpanan Tabung Haji bagi yang beragama

Islam dan bagi bukan Islam akan diberikan sijil simpanan premium Bank Simpanan Nasional (BSN).

"Kita akan mula edarkan borang insentif ini dan para belia boleh dapatkan di seluruh Pusat Khidmat Masyarakat di setiap DUN di negeri ini mulai minggu depan," katanya pada sidang media di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Sementara itu, Dr Yunus berkata, tiada syarat seperti penilaian gaji pasangan akan diambil kira, selain belia yang memohon merupakan anak jati Selangor.

Sebelum ini, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengumumkan pemberian insentif per-

Borang permohonan boleh didapati di Pusat Khidmat DUN di seluruh negeri bagi mendapatkan insentif sebanyak RM200 itu

- YUNUS HAIRI
Exco Adat Melayu, Belia dan Sukan

kahwinan itu akan dibiayai melalui peruntukan dari Belanjawan 2013 baru-baru ini.

Selain menerima insentif perkahwinan ini, belia yang terlibat juga bakal ditawarkan program perumahan yang dijalankan Kerajaan Negeri.

Pampasan air: Tunggu keputusan timbang tara

SHAH ALAM - Tawaran harga pampasan kepada empat syarikat konsesi air Selangor dalam usaha mengambil alih perkhidmatan air akan ditentukan melalui proses timbang tara antarabangsa.

Pada ketika ini, operasi air terawat dikendalikan syarikat konsesi Puncak Naga Sdn Bhd, Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (Splash) dan Konsortium ABASS Sdn Bhd.

Sementara pengagihan air terawat pula dikendalikan konsesi Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas).

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, perkara itu akan dimaklumkan kemudian selepas semua prosedur dilaksanakan.

Katanya, syarikat konsesi boleh memaklumkan jangkaan harga tawaran itu kepada media, tetapi Kerajaan Negeri menunggu ha-

sil keputusan perunding timbang tara antarabangsa.

"Buat masa ini kita tidak umumkan berapakah jumlahnya kerana ia ada hubungan dengan 'security commission', kita tidak boleh buat pengumuman sekarang kerana ia adalah maklumat sensitif dan melibatkan bursa saham.

"Jadi kita akan umumkan semasa kita mahu ambil alih nanti," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Konvesyen Pendidikan Antarabangsa di Universiti Industri Selangor (Unisel) 2013.

Minggu lalu, Kerajaan Negeri mengumumkan akan mengambil alih perkhidmatan air dalam tempoh 14 hari.

Pada 31 Januari 2010, Kerajaan Negeri menawarkan nilai pampasan sebanyak RM9.27 bilion, namun jumlah tersebut ditolak ke semua syarikat tersebut.





Salbiah meninjau peralatan dan kemudahan yang disediakan dipusat kecantikan, sambil ditemani Dr Yunus (berbaju putih)

Pusat kecantikan dan jahitan lahirkan usahawan baru

KUALA SELANGOR - Bagi membantu golongan belia Selangor menceburi bidang perniagaan, Kerajaan Negeri membuka sebuah pusat kecantikan, spa, dandan rambut dan jahitan bes di Kuala Selangor.

Pusat kecantikan itu sebahagian daripada Program Inkubator Usahawan Belia Ehsan Selangor dan dibina melalui peruntukan RM90,000 daripada Geran Selangorku.

Pusat yang akan dikendalikan oleh enam pelatih dan bekas pelajar Kolej Antarabangsa Impens itu mampu melahirkan belia yang berjaya dalam bidang perniagaan.

Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Amal Wanita Selangor (Pekawanis), Puan Sri Salbiah Tunut berharap pusat itu dimanfaatkan sepenuhnya.

"Bagi mereka yang menerima faedah daripada inisiatif Kerajaan Negeri ini, kita mahukan be-

lia ini dapat menjadi seorang yang inovatif, kreatif dan proaktif.

"Kita tidak mahu mereka ini hanya 'hangat-hangat tahi ayam'. Apa yang diharapkan Menteri Besar, supaya belia-belia yang ada di luar sana tidak hanya mengharapkan bantuan daripada kerajaan, tetapi mestilah berdikari dan berintegriti.

"Tanggungjawab kita membantu dari segi pandangan dan bantuan saja. Tugas mereka pula, bangunkan dengan pelbagai langkah lain," katanya ketika merasmikan pusat kecantikan itu.

Beliau juga berkata, empat perkara yang mesti diamalkan untuk menjadi usahawan adalah memberi perkhidmatan yang baik, cara memberi perkhidmatan, tempat khidmat yang sesuai dan niat untuk menjadi maju.


Hadir sama pada majlis itu, Ketua Pentadbir Perbadanan Menteri Besar (MBI), Rohany Datuk Talib; Exco Jawatankuasa Tetap Adat Melayu, Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairi dan Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi, Inovasi dan Kebudayaan Selangor, Rodziah Ismail.

PENDAPAT PESERTA



"Inisiatif membantu belia seperti ini bagi sukar didapati di tempat lain. Saya akan menggunakan peluang berkenaan dengan sebaiknya dan berusaha untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya satu hari nanti"

Irmadiana Sahalan
Pelatih



"Dengan penyertaan dalam bidang ini saya berharap dapat menjadi 'role model' kepada belia lain. Saya akan cuba mempromosikan pusat kecantikan ini selain memberi khidmat yang baik kepada pelanggan"

Nurul Shahira Rozali
Pelatih

PUSAT KECANTIKAN, DANDANAN RAMBUT DAN JAHITAN BeS
(Program Inkubator Usahawan Belia Ehsan)
Tingkat 2, No 1, Jalan Bendahara 1A
Kuala Selangor
017-2859691, 017-5692758

Turut hadir, Presiden Impens, Datuk Dr Mohd Mydin Mohd Sheriff dan Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor, Noraini Roslan.

Dalam pada itu, Dr Yunus berkata, pihaknya sedang merancang untuk membuka pusat kecantikan yang sama di setiap kawasan DUN.

"Bagi program keusahawanan ini, geran yang kita terima adalah sebanyak RM30 juta. Daripada geran ini, kita akan gunakan sebaiknya bagi membantu belia kita," katanya.

GERAN *selangorku*

Gelanggang futsal untuk penduduk Kota Damansara

Oleh HAFIZAN TAIB

PETALINGJAYA - Sebuah gelanggang futsal bernilai RM150,000 menggunakan peruntukan Geran Selangorku berjaya disiapkan untuk kemudahan penduduk di Gugusan Semarak, Seksyen 4, Kota Damansara di sini.

Dengan adanya gelanggang berkenaan, ia memudahkan penduduk di sini, terutama golongan belia berjalan pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi.

"Kita menyediakan kemudahan ini selepas menyedari kawasan perumahan di sini tiada kemudahan gelanggang yang sempurna serta dipohon oleh persatuan penduduk.

"Ia dapat disiapkan cepat selepas permohonan kepada Perbadanan Menteri Besar (MBI) diluluskan dalam tempoh singkat, manakala proses pengeluar-

an tender diuruskan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

"Pembinaannya memakan masa hampir empat bulan bermula pertengahan tahun lalu dan disiapkan pada akhir tahun. Gelanggang futsal ini turut memiliki gelanggang sepak takraw dan kemudahan ini diharapkan memenuhi kehendak kalangan muda di sini," kata Abdul Aziz Dahalan, Pembantu Peribadi kepada Adun Kota Damansara, Dr Nasir Hashim.

Abdul Aziz menjelaskan, kawasan gelanggang futsal bersebelahan taman permainan juga begitu sesuai kerana kedudukannya di tengah-tengah kawasan perumahan di situ.

Katanya, Kerajaan Negeri menerusi agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) ternyata membawakan banyak perubahan dan kebaikan kepada rakyat.



SELESA... Abdul Aziz (baju belang) menunjukkan gelanggang futsal yang siap bina

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin
Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Sheridan Mahavera Mohd Shakir **PENGARANG BERITA:** Najib Hashim
PENOLONG PENGARANG BERITA: Mohd Ezli Mashut **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim
WARTAWAN: Afiz Redzuan: afizredzwan@gmail.com, Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,
Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie
GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB,

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,
No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Bagi mereka yang menerima faedah daripada inisiatif Kerajaan Negeri ini, kita mahukan belia ini dapat menjadi seorang yang inovatif, kreatif dan proaktif

PUAN SRI SALBIAH TUNUT
Yang Dipertua
Pekawanis

Hamas: Anwar Ibrahim sentiasa prihatin nasib Gaza

Oleh AFIX REDZUAN

PETALING JAYA - Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menerima kunjungan ketua Biro Politik Hamas, Dr Walid Alamoudi serta Menteri Kesejahteraan Sosial, Dr Ahmad Alkurd sempena lawatan kerja mereka ke Malaysia.

Pertemuan hampir sejam itu membincangkan beberapa perkara berkaitan situasi semasa yang berlaku di Gaza dan Palestin, selain mengeratkan lagi hubungan dua tokoh Islam ini.

Turut dibincangkan, bantuan pembinaan semula Masjid Nur Muhammadi di Gaza yang mampu menempatkan 4,000 jemaah.

“Kami mengecam keganasan, serangan dan pengeboman Israel terhadap negara kejiranan Arab termasuk Syria.



“Saya percaya kerajaan baru Pakatan Rakyat (PR) akan terus menyatakan sokongan padu terhadap mereka (pembebasan Palestin).

“Saya lihat (serangan) ini sebagai rancangan kejam Israel. Malangnya mereka melakukannya tanpa halangan kerana kegagalan komuniti antarabangsa,

termasuk Amerika Syarikat untuk memberhentikan (serangan) Israel,” kata Anwar ringkas.

Selain Dr Walid Alamoudi, turut hadir sama wakil dari Tajam-

mu Almuassasah Alkhairiyah, Abdul Nabi Al-Rantisi, Dr Nasim Sh Yasin serta Duta Aqsa Shariff, Afldin Shauki.

Dalam pada itu, Dr Walid Alamoudi memuji Anwar sebagai tokoh Islam yang terkenal dalam hal ehwal politik dan Islam meskipun tidak mendapat liputan media.

“Datuk Seri Anwar memantau dengan penuh rapi sebenarnya program pembinaan semula Gaza sejak lama, selain menghantar wakil-wakilnya ke sana.

“Kami bersama tuan-tuan, tuan-tuan bersama kami. Terima kasih atas bantuan kamu,” katanya.

Sementara itu, Aqsa Shariff memaklumkan bahawa USD 700,00 (RM2.14 juta) berjaya dikutip bagi pembinaan Masjid Nur Muhammadi. Anwar kemudian diberi penghormatan menyerahkan cek berkenaan kepada wakil Hamas.

Dr Walid Alamoudi, menerima cek replika sumbangan hasil kutipan rakyat Malaysia untuk pembinaan Masjid Nur Muhammadi daripada Anwar

Selamat Menyambut

Tahun Baru Cina

恭祝各界：新年进步 万事如意

Ikhlas daripada

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim

Dato' Menteri Besar Selangor
dan Kerajaan Negeri Selangor

雪兰莪州务大臣丹斯里卡立伊布拉欣敬贺

Jemputan Rumah Tahun Baru Cina
peringkat Negeri Selangor

Tarikh: 17 Februari 2013 (Ahad)

Masa: 10.00 pagi - 2.00 petang

Lokasi: Ruang Letak Kereta Terbuka
One Utama (Old Wing)



Mengapa Kerajaan Selangor Perlu

TAMATKAN PERKHIDMATAN SYABAS

8 muka
EDISI
KHAS
AIR



Pada
ambang
tahun 2013,
500,000
penduduk
di Cheras,
Ampang dan
Gombak
terputus
bekalan air

'Wanita Keguguran Kaki Bengkak'




Mereka
terpaksa
bersusah
payah ambil
air dari lori
dan tangki
SYABAS

Setiap hari mereka
perlu beratur untuk
isi air dalam
baldi dan tong.
Yang duduk di flat
perlu mengangkat
sehingga ke
tingkat empat



Penduduk warga emas
bengkak kaki kerana terpaksa
angkat baldi, sehingga ada
wanita yang keguguran

Puncanya, rumah pam
Wangsa Maju yang dikendalikan
Syarikat Bekalan Air Selangor
(SYABAS) gagal berfungsi



Fakta Sebenarnya

SYABAS kata pam gagal berfungsi kerana beroperasi lebih pada had

SYABAS kata Kerajaan Negeri Selangor tak lulus dana CAPEX untuk buat rumah pam baru

SYABAS kata Kerajaan Negeri patut dipersalahkan

Penemuan Jawatankuasa Pemantauan Air Kerajaan Negeri :

- Ada lima pam air
- Pam sepatutnya beroperasi pada kadar 4 “on”, 1 “standby” (dalam simpanan). Spesifikasi 4 - 1 adalah selaras dengan saranan rekabentuk asal rumah pam
- **SYABAS** pakai pam dalam kadar 3 “on”, 1 standby (3 – 1)
- Lagi satu pam dah setahun rosak dan tidak dibaiki
- Operasi 3 – 1 ini menyebabkan kesemua pam “trip” dan gagal berfungsi “shutdown”

Rumusan jawatankuasa :

Rumah pam shutdown kerana **SYABAS** beroperasi pada kadar 3-1 sebaliknya 4 – 1 Ini boleh dielakkan sekiranya **SYABAS** menyelenggara dan memastikan semua pam tidak rosak



SYABAS GAGAL selenggara rumah pam

SYABAS GAGAL URUS AIR

Gangguan air tahun baru dalam episod terbaru, siri kegagalan SYABAS mengurus perkhidmatan air terawat dengan baik

Tahun lepas, SYABAS ingin buat catuan atas alasan air tidak mencukupi. Kerajaan Selangor buktikan air mentah di tujuh empangan melimpah

Air mentah yang dirawat tidak di-edarkan dengan baik - tangki tidak diselenggara, air hilang akibat paip bocor dan kena curi



SYABAS ingin naikkan tarif/harga air tetapi peratus NRW tidak mahu diturunkan

- **NRW (Non Revenue Water) ialah kadar air yang hilang akibat paip bocor dan dicuri**
- NRW sekarang ialah 33% Maksudnya: Loji rawat hasilkan 100 unit air terawat, tetapi yang sampai ke pengguna hanya 67 unit sahaja

Mengikut perjanjian penswastaan 2004, jika tarif air ingin dinaikkan, peratus NRW perlu diturunkan

SYABAS ingin naikkan tarif sebanyak:

2009 - 37% = RM15 setiap 20m³ (kadar tarif sekarang RM11)

2012 - 25% = RM18.80 setiap 20m³

2015 - 20% = RM22.60 setiap 20m³

Tetapi peratus NRW masih tinggi = 33% atau kehilangan 663 juta liter sehari

Kerajaan Negeri sekat kenaikan tarif air kerana SYABAS gagal turunkan peratus NRW

ISU CAPEX

Apa itu CAPEX

CAPEX adalah duit awam yang diberi Kerajaan Negeri kepada SYABAS untuk kurangkan NRW

Dakwaan SYABAS

Penyelenggara air tidak dapat dilakukan dengan baik kerana Kerajaan Negeri sekat dana CAPEX

Hakikat sebenar

Kerajaan Negeri sekat kerana Syabas tidak membelanjakan CAPEX dengan betul


- **KETIRISAN :**
RM325 juta dana CAPEX hilang
- **KONFLIK KEPENTINGAN SYABAS :** Guna CAPEX beli paip daripada syarikat kepunyaan pengerusinya sendiri, Tan Sri Rozali Ismail bernilai RM375 juta
- Duit CAPEX (RM22 juta) diguna untuk ubah suai pejabat
- RM600 juta dibelanja melalui rundingan terus - satu proses yang dikritik Ketua Audit Negara sendiri

SYABAS belanja CAPEX sehingga RM1.69 juta, tetapi NRW masih 33%. Dalam perjanjian, Syabas perlu turunkan NRW kepada 19.98%

PENYELESAIAN

Kerajaan Negeri Ambil Alih

SEKARANG



**KERAJAAN
SELANGOR
URUS**

SYARIKAT KONSENSI URUS:


Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS)

Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB)

Syarikat Pengeluaran Air Sungai Selangor Sdn Bhd (Splash)

Konsortium ABASS

SELEPAS AMBIL ALIH



**KERAJAAN
SELANGOR
URUS**

**INI MODEL
HOLISTIK**



KERAJAAN NEGERI

mengurus untuk memberi khidmat terbaik dengan kos terendah untuk **rakyat**. Bukan untuk membuat **untung** macam syarikat **swasta**


FAEDAH MODEL HOLISTIK

INI BERMAKNA:



Masalah NRW diselesaikan supaya bekalan air cukup dan tidak dibazirkan

KENAIKKAN TARIF DIKEKALKAN 12 PERATUS

BERBANDING DI BAWAH SYABAS 82 PERATUS




Pakai Teknologi Membran – tambah **1 JUTA** liter padu air terawat sehari



Model Holistik Jaga Kepentingan Rakyat Bukan Buat Untung

Kerajaan Negeri ambil alih **SYABAS** dalam masa 14 hari

- **KERAJAAN** Negeri mulakan proses pengambilalihan **SYABAS** dan tiga syarikat konsesi dalam masa 14 hari bermula 4 Februari 2013
- **PEGAWAI** Strategi **PKR**, Rafizi Ramli mengumpulkan penduduk yang terjejas akibat gangguan air di Lembah Klang untuk menyaman **SYABAS**



Ancaman tanah runtuh di Bukit Gasing: MBPJ, DBKL akan bincang



Izzah bersama Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, meninjau pembangunan yang mengancam penduduk Bukit Gasing

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mengadakan perbincangan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenai pembangunan di persekitaran Bukit Gasing, Kuala Lumpur yang dikatakan menghadapi masalah tanah runtuh.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Datin Alinah Ahmad berkata, perbincangan tersebut akan diadakan dalam masa terdekat.

"Kita akan adakan perbincangan dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur, sebab pembangunan itu melibatkan dua pihak. Sebelah kawasan DBKL dan sebelah kawasan MBPJ," ka-

tanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Penuh MBPJ.

Sementara itu, Ahli Majlis MBPJ, Derek Fernandez berkata, DBKL memiliki kelebihan dari segi peruntukan dan tenaga kerja profesional berbanding MBPJ dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain di Selangor.

"Pastinya kita memerlukan bantuan Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu memainkan peranan kerana PBT di Selangor tidak mempunyai tenaga jurutera pakar dalaman sendiri," katanya sambil menjelaskan pihaknya sudah memaklumkan kepada Institut Kerja Raya Malaysia

(Ikram) mengenainya, tetapi memakan masa lama.

Dakwanya, pembangunan dijalankan di kawasan Bukit Gasing juga melebihi had ditetapkan.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar meminta DBKL dan MBPJ memantau perkembangan projek pembangunan di situ bagi memastikan ia tidak mengancam keselamatan penduduk.

Ini disebabkan beberapa kejadian tanah runtuh dan pergerakan tanah yang dakwa penduduk berpunca daripada tapak pembangunan perumahan mewah di lereng bukit tersebut.

Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1 -800-22-8100

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
Tel : 03-60641331 SMS: taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. Semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

MAJLIS PERBANDARAN KLANG
www.mpklang.gov.my
Kutipan Sampah: Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);
Klang Selatan: 016-3824471 (Loganathan)
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825SMS: Taip
"MDKLADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM
www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
www.mps.gov.my
Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
www.mpsepang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
www.mbsa.gov.my
Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
www.mpsj.gov.my
Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
www.mbpj.gov.my
Tel: 03-79542020 (24-jam hotline)/ 03-79563544 (am)
SMS: Taip "MBPJADUAN [aduan]" dan hantar ke 33213

MBPJ belanja RM15 juta baiki lif rosak

Oleh HAFIZAN TAIB

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) peruntukkan kira-kira RM15 juta bagi kerja penyelenggaraan dan membaiki lif serta yang berkaitan di kawasan seliaannya bagi memenuhi kehendak warga bandaraya berkenaan.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Datin Paduka Alinah Ahmad (*gambar*) berkata, pihaknya akan bertindak segera sekiranya berlaku masalah kerosakan lif kerana ia melibatkan kepentingan awam.

"Kita memperuntukkan satu kos besar bagi kerja-kerja seperti ini. Maka kita akan beri perhatian sekiranya masalah timbul.

"Ia melibatkan kepentingan awam sebagai pembayar cukai", katanya apabila masalah terse-

but ditimbulkan Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian ketika sesi penangguhan dalam Mesyuarat Penuh MBPJ baru-baru ini.

Alinah berkata, MBPJ mempunyai kaedah tertentu bagi penyelesaian perkara tersebut yang dikatakan kerap berlaku di kawasan perumahan Lembah Subang.

Berhubung kontraktor yang dipilih bagi kerja pembangunan dan infrastruktur di bandaraya itu, Alinah memberitahu ia dipilih berdasar kemampuan dan memiliki kualiti kerja membanggakan.

Perkara tersebut diberi penekanan disebabkan tidak mahu timbul masalah kegagalan kontraktor menyelesaikan kerja akibat menawarkan sebut harga rendah.

"Saya terlibat dengan geran Selangorku iaitu bahagian pembangunan infrastruktur. Kebiasaannya saya tidak pergi kepada sebut harga



yang paling rendah dan saya tubuhkan dua atau tiga Jawatankuasa Piawai Kualiti (QS).

"Kalau ada yang masuk sebut harga rendah, kita akan tanya sama ada dia boleh buat kerja atau tidak. Jika tidak, kita akan pilih yang lain mengikut apa ditetapkan Jawatankuasa Piawai Kualiti (QS)," katanya.

Alinah berkata, bagi memastikan segala kerja projek berjalan lancar, pihaknya akan menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Projek bagi tujuan pemantauan.



TAHNIAH...

Bagi menghargai sumbangan dan kerja keras kakitangannya, seramai 118 kakitangan MPSJ daripada pelbagai pangkat dan jabatan menerima penghargaan dalam majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012

3elements

One address. Triple the vivacity.

Dua Pilihan Menawan

NOUVO

serviced apartments

APARTMEN BERSERVIS lengkap dengan segala kemudahan

- Kawasan binaan dari 699 - 1,018 kaki persegi
- PERCUMA 2 tempat letak kereta*
- PERCUMA Pakaj Pengubahsuaian*
- Diskuan bagi pelanggan TERAWAL*
- TANPA FAEDAH dalam tempoh pembinaan (DIBS)*
- Bayaran Pendahuluan RENDAH

HARGA BUMI dari RM323,444**

SOFO

3elements

SUITE FLEKSI dilengkapi kolam renang dan gimnasium

- PERCUMA Pakaj Pengubahsuaian*
- PENGECEUALIAN yuran guaman SPA*
- PENGECEUALIAN yuran guaman, pembayaran dan setem duti untuk perjanjian pembiayaan*
- TANPA FAEDAH dalam tempoh pembinaan (DIBS)*
- Bayaran Pendahuluan RENDAH

HARGA BUMI dari RM251,934**

- Berhampiran Pasar Raya Giant, Aeon Mall, dan mercu tanda ikonik lain
- Akses terus ke Damansara melalui Lebuh Raya Kinrara-Damansara (KIDEX)
- Cadangan Lebuh Raya Serdang-Kinrara-Putrajaya (SKIP)
- Bersambung terus ke Lebuh Raya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX) melalui susur keluar khas
- Ruang kedai-pejabat 4 & 6 tingkat dengan eskalator (habis dijual)
- Gedung membeli-belah pelbagai rangkaian 4 tingkat dengan cadangan panggung wayang, pasar raya dan banyak lagi!

Blok A semua telah dijual
BLOK BRIZA KINI DIBUKA UNTUK JUALAN

TITIJAYA Unit Contoh untuk dikunjungi setiap hari dari 10pg - 6ptg di Galeri Hartanah 3elements

019-769 6191 / 019-729 6191

Persejaj: Safetags Solution Sdn Bhd (954016-A) | Galeri Hartanah: Lot 100010 (P772891), Persiaran Putra Permai Selesa Pusat Bandar Putra Permai, 43300 Seri Kembangan Selangor Darul Ehsan, Malaysia. | Ibu Pejabat: N-16-01, Penthouse, Level 16, First Subang, Jalan SS15/4G 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. | Tel: 03-8022 9922 | Faks: 03-8022 9968 | Email: sales@titijaya.com.my

Dalam kami meneliti setiap maklumat yang terkandung di sini, pemilik, pemaju dan pengurus kami tidak akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang perbezaan. Semua butiran dan imej adalah gambaran pelukis sahaja. * Tertakuk pada terma dan syarat. ** Harga Bumiputera

Developer License : 11704-2/11-2016/1434 • Validity Period : 21/11/2011 - 26/11/2016 • Advertisment Permit No. 11704-2/1333/2013/006 • Validity Period : 06/06/2012 - 05/06/2013 • Land Tenure: Leasehold 99 years • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Building Plan : MPSJ/SGN/KWC-6/176 • Expected Completion : 2016 • Encumbrances : United Overseas Bank (Malaysia) • Total Units : 342 units • Selling Price : Min RM260,575 - Max RM300,570

Dua pemimpin Umno didakwa terlibat dalam skandal tanah



Hannah sewaktu bercakap kepada media tentang salah laku pemimpin Umno-BN Selangor yang didakwa terbabit dalam skandal tanah

Oleh MOHD EZLI MASHUT

SUBANG JAYA - Dua nama pemimpin Umno Selangor didakwa menerima sekeping tanah berkeluasan 5,000 kaki persegi di kawasan USJ3B dan USJ3D di sini dengan harga RM2 sekaki persegi.

Adun Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad mendedahkan, ahli politik Umno tersebut adalah Datuk Seri Megat Najmuddin Megat Khas yang merupakan Ketua Bahagian Umno Petaling Jaya (1985-1995), Pengerusi Tetap Umno Subang (1995-2001) dan Adun Kelana Jaya Selangor (1986-1995).

Megat Najmuddin juga adalah ahli Lembaga Pengarah Petronas, Presiden Malaysian Institute of Corporate Governance dan anggota Lembaga Disiplin Umno (2002-2009).

Ujar Nik Nazmi, turut menerima lot tanah tersebut ialah Ketua Wanita Umno Bahagian Kelana Jaya, Datin Paduka Seripah Noli Syed Hussin yang merupakan bekas Adun Seri Setia pada 2004.

"Ia perkara yang amat mendukacitakan ketika mana rakyat susah untuk mendapat sekeping tanah dan untuk membeli rumah di sekitar Petaling Jaya dan Subang Jaya.

"Tetapi mereka mendapat tanah dengan mudah dan menjadi 'jutawan segera' dengan menda-

pat kelebihan seperti ini," kata Nik Nazmi.

Beliau berkata demikian dalam sidang media berhubung Skandal Sapu Tanah 1 Malaysia (SaT1M) yang diadakan di USJ 3 di sini.

Sementara itu, Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh berkata, pemberian tanah itu tidak munasabah kerana mereka memperolehinya pada harga RM2 sekaki sedangkan nilai pasaran hartanah ketika ini berharga sekitar kira-kira RM175 sekaki.

"Tanah-tanah tersebut mempunyai 99 lot tanah banglo dengan tempoh pajakan 99 tahun, di mana diluluskan oleh mesyuarat Exco ketika itu pada 20 Februari 2001," kata Hannah.

Ujarnya dalam pemberian tanah itu terdapat tiga nama ahli politik MCA Kelana Jaya, Lee You Hin, Yap Yun Fatt dan Lim Kok Sai.

"Kita mahu pemimpin BN memberikan respons berkenaan isu ini apabila mereka berkempen di Subang Jaya nanti, kenapa mereka memperoleh tanah pada harga yang murah," kata Hannah.

Adun Sekinchan, Ng Suet Lim berkata, pendedahan skandal pemberian tanah itu membuktikan pimpinan Umno-BN lebih mementingkan kroni parti mereka sendiri.

"Kita menyeru rakyat Selangor membuat penilaian yang tepat dalam PRU ini," tegas Ng.

SUBANG parkhomes

Kondominium & Villa HIJAU
PEGANGAN BEBAS

BERDEKATAN DENGAN TEMPAT KUNJUNGAN TERNAMA DAN DISAMPING KETENANGAN ALAM SEMULAJADI.

HAK MILIK mudah	1% bayaran pendahuluan*	0% kadar faedah*
Percuma yuran guaman perjanjian jual beli**	Percuma duti setem perjanjian pinjaman & yuran guaman**	

Harga bumiputera daripada RM908,000*

TITIJAYA BUILT TO INSPIRE

Dibawakan kepada anda oleh Titijaya, pemenang Anugerah berprestij pada tahun 2010 iaitu Anugerah Hartanah Komersial 5-Bintang 2010 (Penggunaan Komputer Terbak Pembangunan Malaysia)

PEMAJU : SENDI BANGSA DEVELOPMENT SDN BHD (650372-aj) (Jahil Kumpulan Titijaya)
IBU PEJABAT : N-16-01 Penthouse, Level 16 First Subang, Jalan SS15/4G, 47500 Subang Jaya, Selangor.
T 03.8022 9999 F 03.8022 9968 www.subangparkhomes.com.my
PROPERTY GALLERY: R-G-5, Block Emerald, ONE SOHO, 47500 Subang Jaya, Selangor.
T 012.779 6422 / 012.633 0108

Ekklusif. Bertingkat rendah. Kediaman berkonsepkan resort yang dilengkapi kemudahan lif.

No. Lesen Pemaju: 13693-2/06-2013/096 Tempoh Sah Lesen: 27/05/2008-26/05/2013 No. Permit Iklan & Ajaran: 10893-2/1426/2013/007 Tempoh Sah Lesen: 06/07/2012-05/07/2013 Pihak Berkuasa yang Meluluskan Plan Bangunan: Majlis Perbandaran Subang Jaya No. Plan Bangunan: MPSJ/SGN/KWC-A-9/00 Pajaman Tanah: Pegangan Bebas Terhak Dipanggil Skid Disember 2011 Cagaran: CCRB Bank Malaysia Berhad. Jumlah Unit: 478 unit Harga Jualan: RM420,000/inci (RM1,200,540/lot). Diskuan Bumiputera: 16%. Semua langkah yang sewajarnya telah diambil dalam pemfahaman iklan ini dan pihak pemaju tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan. Servis: Iklan adalah taburan pengedar pelukis sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai perjanjian daripada kawasan atau kontrak. *Tertakuk kepada terma dan syarat. **Tertakuk kepada perjanjian & jawab Bank sahaja

Hasrat penduduk Kg. Keretapi miliki geran tanah ditunai

Oleh AFEEQA AFEERA

KLANG - Menunggu lebih 50 tahun, akhirnya impian Alias Ahmad, 65, untuk memiliki geran tanah ditunai Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Negeri Selangor.

Beliau antara 112 penduduk Lorong Bunga Raya, Kampung Keretapi yang menerima geran milikan tanah daripada Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali dalam satu majlis di sini.

Penantian selama ini berbaloi setelah sekian lama hak milikan tanahnya dinafikan Kerajaan Umno-BN sebelum ini

ALIAS AHMAD
Penerima Geran

dari muka 16

Kenal pasti laluan baru

Menurut William, TNB akan membuat kajian teknikal bagi mengenal pasti laluan baru untuk projek tersebut.

Jelasnya, ini merupakan antara bukti keprihatinan Kerajaan Negeri yang peka dengan masalah rakyat dan mahu memastikan kesejahteraan mereka terjamin.

Keputusan ini juga sekaligus menyelamatkan kedudukan Kampung Batu 16 dan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 16 Rawang.

Dalam pada itu, Pengerusi JKKK Kampung Sungai Teren-

Difahamkan, pemberian geran milikan tanah di kampung tersebut mencatat sejarah apabila ia menjadi kawasan pertama yang menerima perwartaan tanah rizab Melayu di Klang sejak tahun 1955.

Alias menambah, penantiannya selama ini berbaloi setelah sekian lama hak milikan tanahnya dinafikan Kerajaan Umno-BN sebelum ini.

Menurutnya, pemimpin Umno-BN terdahulu sering menabur 'janji manis' untuk menyerahkan hak milik tanah kepada penduduk setiap kali menjelang pilihan raya, namun hasrat itu tidak pernah ditunaikan.

"Alhamdulillah... Kerajaan PR Selangor dengar masalah rakyat dan cuba membantu sedaya upaya untuk memberi geran tanah kepada penduduk di kawasan ini. Saya benar-



Penduduk berterima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri selesaikan masalah mereka

benar bersyukur," katanya. Seorang lagi penduduk, Noor Aisah Zakaria, 45, pula menyifatkan pemberian geran tanah itu akhirnya memenuhi impian yang ditunggu lebih 25 tahun lalu.

Beliau yang pada mulanya menganggap ia se-kadar janji politik mula merubah persepsi sebaik sahaja janji tersebut berjaya dilaksanakan Kerajaan Negeri.

"Saya sangat gembira dan bersyukur atas pemberian milikan tanah ini. Tiada apa yang mampu saya ungkapkan selain ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, khususnya Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor berjaya

buktikan keprihatinan mereka," ujarnya.

Sementara itu, Dr Halimah ketika ditemui berkata, Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk menyelesaikan isu permohonan hak milik tanah yang berlarutan sejak pentadbiran Umno-BN dahulu.

Beliau berkata, sasaran Kerajaan Negeri selepas ini adalah untuk menyerahkan geran milikan tanah kepada lebih 100 penduduk di Kampung Sungai Sireh.

"Sayamemantau masalah ini dan kebanyakan daripada mereka menunggu lama. Alhamdulillah... hasil usaha yang berterusan, geran itu akhirnya dimiliki oleh penduduk setelah sekian lama menunggu," katanya.



Noor Aisah

WAKTUSOLAT SELANGOR							
8 - 15 FEBRUARI 2013							
27 RABIULAWAL - 4 RABIULAKHIR 1434							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
08 Jumaat	6:00	6:10	7:29	1:30	4:50	7:29	8:40
09 Sabtu	6:00	6:10	7:29	1:30	4:50	7:29	8:40
10 Ahad	6:00	6:10	7:29	1:30	4:50	7:29	8:40
11 Isnin	6:00	6:10	7:28	1:30	4:50	7:29	8:40
12 Selasa	6:00	6:10	7:28	1:30	4:50	7:29	8:40
13 Rabu	6:00	6:10	7:28	1:30	4:50	7:29	8:40
14 Khamis	6:00	6:10	7:28	1:30	4:49	7:29	8:40
15 Jumaat	6:00	6:10	7:28	1:30	4:49	7:29	8:40
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
08 Jumaat	6:02	6:12	7:31	1:32	4:52	7:31	8:42
09 Sabtu	6:02	6:12	7:31	1:32	4:52	7:31	8:42
10 Ahad	6:02	6:12	7:31	1:32	4:52	7:31	8:42
11 Isnin	6:02	6:12	7:31	1:32	4:52	7:31	8:42
12 Selasa	6:02	6:12	7:30	1:32	4:52	7:31	8:42
13 Rabu	6:02	6:12	7:30	1:32	4:52	7:31	8:42
14 Khamis	6:02	6:12	7:30	1:32	4:51	7:31	8:42
15 Jumaat	6:02	6:12	7:30	1:32	4:51	7:31	8:42



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembinaan)	*Jenis Pendaftaran	Taraf	Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Bangunan Pejabat JKR Gombak, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan No. Tender : JKR/SEL(N) 001(T) /2012	T1	Bumiputera (PKK) Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	CIDB Gred: G6 Kategori: B Penghususan: B04	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor Shah Alam Pada 08/02/2013 (Jumaat) Hingga 22/02/2013 (Jumaat)	Lawatan Tapak adalah digalakkan Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan: Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Selangor: 03- 55447753	RM 600.00 (Bank Draf atau Kiriman Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama: Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak&Ukur Bahan JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 04/03/2013 (Isnin) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

***Jenis Pendaftaran**

- T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
- A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegawai saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
- A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
- T2 - Tidak berkenaan

Campur tangan Kerajaan Negeri

Masalah Projek CAR Kampung Sungai Terentang selesai

Oleh AFIX REDZUAN

RAWANG - Konflik projek pengukuhan kawasan tengah (CAR) yang membabitkan penduduk Kampung Sungai Terentang dan Tenaga Nasional Berhad (TNB), yang berlarutan selama lapan tahun, berjaya diselesaikan hasil campur tangan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Selangor.

Ini bermakna rumah penduduk kampung, sekolah dan bangunan lain di dalam kampung yang usianya mencecah 60 tahun itu tidak akan dimusnahkan untuk memberi laluan kepada projek CAR dan penduduk tidak perlu berpindah ke tempat lain.

Hasil rundingan dengan Kerajaan Negeri, TNB bersetuju mencari laluan alternatif bagi menara pencawang kabel voltan tinggi agar tidak merentasi kampung yang didiami 5,000 orang itu, kata Ahli Parlimen Selayang, William Leong.

“Masalah TNB selama lapan tahun selesai dalam mesyuarat bersama Menteri Besar (Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim) dan Exco.

“Satu keputusan yang baik. Kita berunding dengan TNB. Sebelum ini penduduk, pihak konsultan memberikan cadangan.



MUHIBAH.. Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bersama Exco-Exco Selangor, bergambar sempena Sambutan Tahun Baru Cina, yang merupakan Tahun Ular. Masyarakat Tionghua menyambutnya dengan menziarah ahli keluarga, saudara-mara dan sahabat, serta penggunaan warna merah dengan angpau diberikan kepada orang muda dan kanak-kanak

“TNB juga berikan alternatif mereka. (Hasil perbincangan) sekarang mereka beri jalan lain,” kata William di dalam satu sidang media.

Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) meminta TNB mencari laluan alternatif memandangkan pelan laluan asal bagi projek itu tidak

menepati kriteria yang ditetapkan Kerajaan Negeri.

Tiga kriteria yang ditetapkan Kerajaan Negeri adalah laluan CAR tidak merentasi Kampung

Sungai Terentang, tidak mengganggu sekolah (SJKC Sam Yuk) dan jalan utama Rawang-Ipoh.

[Lihat muka 15](#)

Gambar oleh Shuaib Ayob

Untuk informasi & berita terkini
Layari www.selangorku.com

mediaselangorku

<http://www.selangorku.com/?feed=rss2>

<http://twitter.com/#!/mediaselangorku/>

<http://www.facebook.com/MediaSelangorku>

BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO